

05 SEPTEMBER 2017

Pengasih perlu RM14j pindah lokasi baharu

Pengasih perlu RM14j pindah lokasi baharu

KUALA LUMPUR 4 Sept. - Sebanyak RM14 juta dana tambahan diperlukan oleh Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih) bagi menempatkan kira-kira 100 penghuni ke lokasi baharu selepas diarahkan berpindah sejak beberapa tahun lalu.

Pengerusi Pengasih, Datuk Mohd. Yunus Pathi berkata, kos tersebut meliputi penambahan infrastruktur dan kemudahan asas serta urusan pemindahan alatan ke pusat pemulihan baharu yang kini siap dibina di Bentong, Pahang.

Menurutnya, Pengasih turut berharap supaya pemilik tanah memberi kelonggaran termasuk

menangguhkan proses pemindahan sebelum semua infrastruktur dan kemudahan baharu benar-benar lengkap.

"Kami sedia untuk berpindah selepas kemudahan yang dibina syarikat itu siap. Tetapi masalahnya, infrastruktur tidak begitu memuaskan. Tiada masjid dan tiada pagar serta ada beberapa kerosakan pada bangunan. Bagaimana hendak menjalankan proses rawatan jika ia tidak lengkap?"

"Tambahan pula, Pengasih sendiri memerlukan kos RM120,000 sebulan untuk menjaga penghuni di sini. Dengan dana itu nanti, sekurang-

kurangnya kami dapat membina dan menempatkan semua penghuni ke tempat yang lebih selesa," katanya ketika ditemui pemberita di sini hari ini.

Pengasih yang ditubuhkan sejak 30 tahun lalu diarahkan berpindah sejak 2005 ke lokasi baharu dengan keluasan kira-kira enam hektar dan mampu menampung sehingga 200 residen dalam satu-satu masa.

Dalam pada itu, Mohd. Yunus menjelaskan, beberapa rundingan telah dibuat antara pihaknya dan juga pemilik tanah sebelum ini bagi menangguhkan proses pemindahan semua penghuni ke lokasi baharu.